

Kepimpinan Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat Program Asasi Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia
(*Leadership and Its Relationship with Academic Achievement Among Gifted and Talented Students in the ASASIPintar Foundation Program at the National University of Malaysia*)

RORLINDA YUSOF, TENGKU ELMI AZLINA TENGKU MUDA*, HAKIMIE ZAINAL ABIDIN, AZRINA MD AZHARI & SITI AISHAH HASSAN

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji aspek ciri-ciri kepimpinan dan hubungannya dengan prestasi pencapaian pelajar pintar dan berbakat dalam program ASASIPintar. Seramai 164 orang pelajar ASASIPintar dari Pusat GENIUSpintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia dipilih secara rawak mudah untuk menjawab Instrumen Ciri Kepimpinan Pelajar. Statistik deskriptif yang melibatkan peratusan dan min, serta statistik inferensi (Pearson Correlation) digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan pelajar ASASIPintar mempunyai tahap sederhana pada ciri kepimpinan (81.07%). Penemuan pada komponen ciri kepimpinan mendapati daripada 13 komponen, pelajar pintar program ASASIPintar memperoleh skor tinggi dalam komponen kolegialiti (89.24%), diikuti tingkah laku kepimpinan (88.31%), kecekapan mempengaruhi (87.27%), etika nilai (85.49%). Manakala skor sederhana tinggi pada hubungan kerja (85.49%), minda transformasi (83.10%), kebolehpercayaan (80.53%), seterusnya skor sederhana rendah pada komponen penghargaan sendiri (78.17%), motivasi kepimpinan (76.19%), kesepaduan (76.19%), efikasi kepimpinan (75.93%), kesedaran emosi (74.66%), dan kategori sederhana paling rendah pada komponen pemantauan sendiri (72.61%). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan korelasi positif yang lemah di antara ciri kepimpinan dengan pencapaian akademik ($r [164] = 0.158, p = 0.04 (p > 0.01)$). Implikasi kajian ini adalah dari segi kepentingan membangunkan nilai dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar pintar yang merupakan aset masa depan negara. Hasil dapatan kajian ini juga dapat menyumbang kepada penyediaan modul kepimpinan yang strategik dan terfokus untuk pelajar pintar dan berbakat dengan bersandarkan data-data empirikal mengikut komponen kepimpinan.

Kata Kunci: pelajar pintar berbakat, kepimpinan, pencapaian akademik

ABSTRACT

This study examines aspects of leadership characteristics and their relationship with the achievement performance of gifted students in the ASASIPintar program. A total of 164 ASASIPintar students from Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia were randomly selected to answer the Student Leadership Characteristics Instrument. Descriptive statistics involving percentage and mean, as well as inferential statistics (Pearson Correlation) were used to analyze the data to answer the research questions. The findings of the study show that overall ASASIPintar students have a moderate level on the quality of leadership characteristics_LQ (81.07). Findings on the LQ component found that out of 13 components, intelligent students of the ASASIPintar program obtained high scores in the collegiality component (89.24%), followed by leadership behaviour (88.31%), influencing efficiency (87.27%), value ethics (85.49%). While moderately high scores on work relationships (85.49%), transformation mindset (83.10%), reliability (80.53%), then moderately low scores on the components of self-esteem (78.17%), leadership motivation (76.19%), cohesion (76.19%), leadership effectiveness (75.93%), emotional awareness (74.66%), and the lowest moderate category on the self-monitoring component (72.61%). The results of the study also show that there is a weak positive correlation between leadership characteristics and academic achievement ($r [164] = 0.158, p = 0.04 (p > 0.01)$). The implications of this study revolve around the importance of developing values and skills among gifted and talented students who are considered assets for the future of the nation. The findings of this research can also contribute to the creation of strategic and focused leadership modules for gisted and talented students based on empirical data according to leadership components.

Keywords: gifted Talented student, leadership, academic achievement

PENGENALAN

Pelajar pintar dan berbakat didefinisikan sebagai individu yang memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang cemerlang, tahu bagaimana untuk belajar, dan memiliki tahap perfectionisme yang lebih tinggi daripada rakan sebaya mereka, dan yang lebih cemerlang secara sosial, ingin tahu untuk belajar, mampu belajar dengan cepat, dan lebih cemerlang dalam perkembangan kognitif, afektif, sosial, dan fizikal mereka daripada rakan sebaya mereka (Johnsen, 2018). Dalam satu kajian tentang ciri-ciri pelajar berbakat, Sternberg (2005) menggambarkan ciri-ciri pelajar berbakat dengan kreativiti, kecerdasan, dan kebijaksanaan sementara Manning (2005) berpendapat bahawa pelajar berbakat mempunyai kemahiran kepemimpinan untuk dapat membimbing rakan sebaya mereka.

Berkaitan dengan kebolehan kepemimpinan, pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai kemahiran kepemimpinan yang lemah akan menyebabkan pengurusan dan pembangunan pelajar di sekolah menjadi sukar. Menurut Mansor dan Hamzah (2015) untuk menjadi pemimpin yang berkualiti, individu tersebut perlulah mempunyai keperibadian yang unggul serta mempunyai kemahiran dan pengetahuan (Male, 2006) terutamanya dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan. Perkara utama dalam proses menjadi pemimpin ialah pelajar perlu mempunyai kebolehan kesedaran diri yang tinggi serta mampu menyeimbangkan diri dari segi emosi dan masa (Toegel & Barsoux, 2012) dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin dan pelajar sekolah. Oleh yang demikian sebelum seorang dipilih untuk menjadi pemimpin kepada pelajar lain, satu inisiatif perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti kemahiran kepemimpinan sendiri mereka sebelum mereka mampu untuk memimpin orang lain. Seorang pemimpin pelajar yang mempunyai kepemimpinan semulajadi (*natural*) perlulah mempunyai matlamat yang jelas, harga diri yang tinggi dan mempunyai kepercayaan dari orang pimpinannya (Peter, 2008).

Selain daripada itu, pelajar pintar dan berbakat yang berkepemimpinan yang tinggi perlu mempunyai kemahiran kecerdasan emosi. menurut Goleman (2000), pemimpin yang mempunyai kecerdasan emosi (EQ) yang tinggi juga mampu menggunakan maklumat emosi mereka untuk memotivasikan diri dan memimpin tindakan seperti menyelesaikan masalah semasa mengurus kepeimpinannya. Komponen utama dalam kecerdasan emosi (EQ) yang menyumbang kepada pembinaan kecekapan kepemimpinan adalah kesedaran sendiri. Kesedaran sendiri adalah kebolehan mengenalpasti emosi yang wujud dalam diri, boleh merasai dan menamakan perasaan yang bergolak

serta boleh mengaitkannya dengan apa yang difikir, dilaku & diungkapkan (Goleman 1996). Individu yang mempunyai kesedaran sendiri didapati turut mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap nilai dan matlamat diri yang dijadikan panduan dalam menilai emosi, serta jujur dalam memantau sendiri dari aspek mengakui kekuatan dan kekurangan diri sendiri, menghargai dan meyakini kebolehan diri dalam melaksanakan tugas, tidak mudah terpengaruh dengan gaya hidup orang lain, terbuka menerima maklumbalas yang positif atau negatif, melihat sesuatu pandangan dari sudut berbeza, berani dan bijaksana mengeluarkan pendapat dan boleh membuat keputusan tepat dalam situasi tertekan.

Berkaitan dengan kepemimpinan pelajar, pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan yang merangkumi ciri-ciri kepemimpinan pelajar boleh dikelaskan seperti berikut: penyelesaian konflik (Jit, Sharma, & Kawatra, 2016), pemikiran kritis (Kim & Hwang, 2016; Kim & Choi, 2018, Conner & Strobel, 2007), penetapan matlamat (Northouse, 2010; Yukl, 2005; Xu, Wang, & Wen, 2019), komunikasi (Johnson & Hackman, 2018), membuat keputusan (Redmond & Dolan, 2016), penyelesaian masalah (Seemiller, 2018; Friedel, Cletzer, Bush, & Barber, 2017), dan kemahiran membina pasukan (Naseem, 2020, Conner & Strobel, 2007); menjadi boleh dipercayai (Derks et al., 2014) dan mempunyai tanggungjawab (Curran & Wexler, 2017; Dugan & Komives, 2007); serta mempunyai pengetahuan dalam kepemimpinan dan pengurusan (Garst, Weston, Bowers, & Quinn, 2019). Ciri-ciri kepemimpinan pelajar juga selari dengan ciri personaliti yang perfectionisme dalam kalangan orang muda (Leana-Tascilar, Özyaprak, Güçyeter, Kanli & Camci-Erdogan, 2014).

Berdasarkan ciri-ciri pemimpin pelajar diatas, pelajar pintar dan berbakat perlu memiliki ciri-ciri tersebut kerana golongan ini juga berpotensi untuk menjadi pemimpin masa depan yang berkualiti. Pandangan ini sejajar dengan dapatan yang menunjukkan kepentingan kecekapan membuat keputusan memimpin khususnya pada aspek pengurusan emosi untuk mengendalikan pasukan atau sesebuah organisasi (Cherniss dan Goleman 2001). Pemimpin juga dikaitkan dengan keupayaan mengurus emosi diri / *mood* secara positif bagi memupuk sikap optimis dan kreatif serta konsisten untuk mengekalkan semangat dalaman organisasi (George 2000), mendorong dan bersama ahli meningkatkan prestasi pencapaian organisasi yang diterajui (Hay/McBer 2000), dan merangsang, mencabar, menginovasi, memotivasi, membahar, dan mengamalkan keluwesan dalam mencapai kejayaan organisasi (Bagsaw 2000). Dalam konteks pendidikan pintar dan berbakat, meskipun

telah diakui bahawa menjana kepimpinan dalam diri adalah penting, namun kajian Sternberg (2004) mendapati bahawa pelajar pintar sering mengabaikan aspek ini. Kajian tersebut menyokong dapatan Chan (2003) yang menyarankan supaya usaha menilai program latihan kepimpinan pelajar pintar menjadi suatu keperluan yang kritikal dalam membina bakal pemimpin yang berpotensi ini untuk menyedari bakat kepimpinannya.

Philips (2009) pula menekankan kepentingan untuk para pendidik dan pihak berkepentingan untuk membimbing dan menyedarkan pelajar pintar dan berbakat tentang hakikat tanggungjawab kepimpinan yang perlu digalas. Kesedaran tentang kualiti kepimpinan dalam diri dapat membantu pelajar pintar membuat intervensi awal ke arah penambahbaikan diri. Pelajar pintar perlu dibimbing untuk mengenalpasti bakat kepimpinan masing-masing kerana menurut Chan (2007), pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai bakat kepimpinan biasanya tidak melihat diri mereka sebagai pemimpin dan mempunyai kepercayaan sendiri (efikasi sendiri) yang rendah. Keadaan ini menjadikan mereka kurang yakin dengan kemampuan diri, namun dalam masa yang sama mereka sebenarnya mengharapkan kedudukan tersebut. Amat penting bagi pendidik membantu pelajar pintar dan berbakat dari segi keupayaan mengesan potensi ini dari awal bagi mencetuskan kesedaran pelajar pintar dan berbakat tentang tanggungjawab dan kesedaran kritikal tentang peranan mereka dalam agenda pembangunan negara

Kepimpinan pelajar pintar dan berbakat juga mempunyai kesan secara langsung dengan pencapaian akademik. Salah satu aspek kepimpinan adalah kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang memberi fokus kepada pembentukan ketrampilan diri, kemanusiaan dan hubungan dengan manusia (Hazilah et al. 2013). Ianya bukan bersifat akademik. Kemahiran insaniah mempunyai kaitan dengan kecergasan minda yang diadaptasi dari situasi sekeliling, kehendak dan kekuatan emosi serta rohani pelajar kepada tindakan yang bersesuaian (Mohd Faizullah 2014). Pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi mencerminkan personaliti, tingkah laku, cara komunikasi, menyelesaikan sesuatu masalah, membuat sesuatu keputusan, kerjasama berpasukan, kepimpinan dan pembelajaran berterusan. Kemahiran insaniah dalam diri pelajar merupakan satu set kemahiran pembangunan modal insan agar mereka menjadi insan seimbang dan harmoni berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berasaskan pegangan teguh kepada prinsip Rukun Negara (Mohamad Ridzuan et al. 2016). Kemahiran insaniah

pelajar seperti kemahiran berfikir kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi didapati mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan pencapaian akademik pelajar yang rendah berkaitan dengan kekurangan kemahiran dalam komunikasi dan menulis (Jasim & Khalifa 2019; Ubaka & Ukwé 2019; Gardner et al. 2005). Dapatan kajian Cronin et al. (2017) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan pencapaian akademik pelajar

PERNYATAAN MASALAH

Aspek personaliti melibatkan ciri-ciri tenaga dan kemahiran dorongan pemimpin yang boleh menyumbang kepada kepentingan ahli kumpulan menjadi tumpuan kebanyakan pengkaji lepas (Ralph C.W., Jr 2015, Phillips, C.E. 2009, & Hutton, B.M. 2019). Individu yang memiliki ciri-ciri personaliti positif afektif yang ditunjukkan menerusi keupayaan mengawal perasaan, memiliki tenaga dan kuasa dorongan yang tinggi, kompeten untuk mengurus diri dan perhubungan interpersonal. Dapatan ini disokong oleh Rorlinda Yusof, Noriah Ishak, Azizah Zahidi, Siti Noor Diana Kamaruddin (2017) yang mendapati kecekapan mengurus emosi adalah penting kerana pelajar pintar dan berbakat berpotensi untuk mengalami isu-isu sosio-emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologikal mereka.

Sehubungan itu, Aliza & Hamidah (2009) telah mengaitkan ciri kepimpinan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat dengan kebolehan termasuk; kecekapan mempengaruhi, kemahiran berempati, kemahiran saling hubung yang tinggi, berkebolehan mengenalpasti matlamat, menerangkan idea dengan jelas kepada pendengar, memberi arahan dengan cara yang berkesan, mengamalkan kepimpinan yang telus dan bertanggungjawab, serta boleh menyelaraskan tugas daripada pelbagai pihak. Selain itu, mereka juga berkebolehan untuk menjana perasaan positif dengan memahami perasaan orang lain, boleh membuat keputusan, mudah memberi pandangan dan cadangan, berani mengambil tindakan, berfikiran terbuka untuk membuat timbang tara, dan ketegasan diri dalam mengurus ahli. Ringkasnya, individu yang memiliki ciri-ciri afektif positif lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang dikaitkan dengan kepimpinan berkesan. Justeru, menyedarkan pelajar pintar dan berbakat tentang kelebihan mereka pada ciri-ciri tersebut dapat membina keyakinan diri untuk dijadikan pemangkin ke arah menjana perkembangan kepimpinan mereka.

Bagaimanapun, sorotan kajian literatur dalam dan luar negara mendapati pelajar pintar dan berbakat menghadapi pelbagai isu yang boleh menghalang perkembangan bakat kepimpinan. Hasil kajian Rosadah (2003) ke atas pelajar pintar dan berbakat ada menunjukkan bahawa bakat kepimpinan pelajar pintar dan berbakat adalah lebih tinggi berbanding pelajar pencapaian sederhana, namun, mereka didapati mengalami isu psikologi yang boleh menghalang perkembangan potensi kepimpinan. Antaranya termasuk; masalah kawalan emosi, kesukaran mengadaptasi dengan suasana atau persekitaran baharu, dan kurang kecekapan berkomunikasi. Dapatan ini sejajar dengan kajian Robinson (2006), Aliza dan Hamidah (2009) yang turut mendapati pelajar pintar dan berbakat mengalami isu tekanan emosi akibat daripada ekspektasi tinggi, sering bosan dalam pembelajaran, mengalami isu perkembangan psikologi tidak sekata atau selaras dan mengalami isu penyesuaian yang berkaitan dengan kemahiran sosial. Kesemua isu yang dihadapi oleh pelajar pintar dan berbakat ini kelihatan lebih membabitkan komponen sosio-emosi yang dikaitkan dengan kecekapan mengurus emosi. Ketidakecakapan mengurus isu-isu psikologi ini boleh melambatkan proses membina potensi kepimpinan yang sedia tertanam di dalam diri. Justeru guru berperanan untuk mencungkil aspek kecekapan kecerdasan emosi dan potensi kepimpinan serta memberi peluang seluasnya kepada pelajar untuk meneroka pengalaman membina kepimpinan diri. Berdasarkan dapatan dan saranan kajian lepas, kajian ini akan mengkaji ciri-ciri kualiti kepimpinan dalam diri pelajar pintar dan berbakat dan mengenalpasti aspek kekuatan dan kekurangan dalam kalangan pelajar yang dikaji.

Kajian lepas berkaitan dengan kepimpinan pelajar turut dikaitkan dengan pembelajaran sepanjang hayat. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran pembelajaran sepanjang hayat akan membentuk kepimpinan pelajar berbakat seperti kemahiran penyelesaian masalah (Van der Stel dan Veenman, 2008); kemahiran berfikir kritis (Bozca, Emir, dan Tasçilar, 2017); kemahiran pembelajaran sendiri (Tortop dan Topal, 2017); dan pembelajaran cara untuk belajar (Bildiren, Korkmaz, dan Demiral, 2017). Kesemua aspek tersebut perlu diaplikasikan dalam pembelajaran bagi membolehkan berlakunya peningkatan pencapaian akademik.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat aspek kualiti Kepimpinan pelajar pintar dan berbakat yang

berada dalam program pra universiti, ASASIpintar. Kajian juga mengkaji hubungan di antara kualiti kepimpinan dengan prestasi akademik. Secara spesifiknya objektif kajian ini adalah untuk;

- i. Menenalpasti profil kepimpinan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar UKM.
- ii. Menenalpasti komponen teras kekuatan dan kritikal kekurangan kepimpinan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar UKM.
- iii. Melihat hubungan di antara kualiti kepimpinan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar UKM.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah profil kepimpinan pelajar dan berbakat dalam program ASASIpintar UKM?
- ii. Apakah komponen teras kekuatan dan kritikal kekurangan ciri kepimpinan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar UKM?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara ciri kepimpinan dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar UKM?

HIPOTESIS KAJIAN

Ha1 Terdapat korelasi yang signifikan di antara ciri kepimpinan dan prestasi akademik dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di program ASASIpintar.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kepimpinan merupakan sifat semulajadi yang membolehkan individu memimpin dan memotivasi orang lain bagi mencapai suatu matlamat (Cleland 2004). Bidang kepimpinan semakin mendapat perhatian dari pelbagai pihak, khususnya bagi pihak-pihak yang menyediakan golongan muda untuk menjadi peneraju kepimpinan di masa hadapan. Sifat dan kecekapan kepimpinan perlu dididik dan diterapkan dari peringkat awal dan berterusan sehingga ke peringkat perkembangan yang lebih tinggi. Yulck (2002) mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses pengaruh sosial yang bermula dengan pengaruh

seseorang yang boleh menggerakkan seseorang atau sekumpulan orang atau sesebuah organisasi ke arah melaksanakan sesuatu tugas secara sukarela. Menurut Boyatzis, (2008) pemimpin masa depan bukan lagi produk tunggal pendidikan yang diwakili oleh gred yang baik dan ditakrifkan dalam lingkungan individu yang berbakat akademik. Pemimpin bukan hanya ditentukan oleh keupayaan intelek mereka. Lebih penting lagi, mereka mesti mempunyai keupayaan untuk menjangka krisis dan mengurus perubahan serta melihat peluang dalam segala-galanya. Mereka mesti berusaha untuk kecemerlangan, memberi inspirasi dan memotivasikan orang lain melalui semangat dan komitmen mereka sendiri untuk meneroka kemungkinan baharu. Pemimpin masa depan mesti dapat membina hubungan dengan mudah, berani mengambil risiko dan usaha menyelesaikan masalah dengan cepat untuk memberi kesan positif kepada kehidupan orang lain, dan mengutamakan kepentingan semua orang. Mereka juga mesti menjadi pemain strategik yang melihat sesuatu dari sudut pandangan yang luas. Ini adalah kecekapan teras yang diperlukan untuk melahirkan pemimpin abad ke-21 (Boyatzis, 2008).

Walau bagaimanapun, Almada-Lobo (2015) mencadangkan bahawa pemimpin untuk revolusi industri ke-4 mesti mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Mereka mesti boleh mengurus diri sendiri dan orang lain secara berkesan. Mereka mesti mempunyai kesedaran sendiri yang tinggi, peraturan sendiri dan motivasi diri (Goleman, 1995; 1998, 2000) supaya dapat membuat pemantauan sendiri ke arah penambahbaikan. Seiring dengan itu, mereka juga mesti mampu memahami orang lain (empati), mengembangkan kemahiran sosial yang berkesan, berpegang kepada nilai-nilai murni dan mampu menggunakan pengalaman hidup sebagai panduan dalam membuat keputusan. Goleman (1998) meramalkan bahawa, individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih berjaya dalam kehidupan dan menjadi pemimpin yang berkesan untuk membawa perubahan dalam komuniti mereka.

Brian (2017) menyenaraikan tujuh kualiti dan atribusi untuk menjadi pemimpin hebat (*great leaders*) iaitu berwawasan, keberanian, integriti, kerendahan hati, perancang yang strategik, focus, dan bekerjasama. Sebagai kesimpulan, kesemua ciri-ciri kepimpinan yang dirungkaikan sejajar dengan ciri-ciri dalam EQ yang melibatkan kecekapan mengurus peribadi dan kemahiran mengurus sosial atau manusia dalam kehidupan. Pemimpin juga mesti boleh berfikir secara kritis, mempunyai penaakulan persepsi yang baik, melihat perkara di luar kotak, mengurus dan memproses maklumat dengan berkesan untuk membuat

keputusan, dan boleh melihat secara objektif perkara yang kelihatan sangat subjektif kepada orang lain. Ini adalah ciri-ciri individu yang pintar dan berbakat. Oleh yang demikian, individu yang berbakat boleh menjadi pemimpin yang berkesan kerana mereka mempunyai keupayaan kognitif yang lebih unggul. Malah, mereka boleh menjadi pemimpin yang lebih baik jika mereka mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Goleman (1998, 2000) dan Alon dan Higgins (2005) juga mencadangkan bahawa pemimpin hari ini harus peka dari segi budaya dan emosi, dan mereka harus dapat bertindak balas terhadap situasi kerja interpersonal yang berbeza. Mereka juga mencadangkan bahawa emosi seseorang harus disederhanakan oleh budaya seseorang. Ini adalah selaras dengan lambang kecerdasan emosi, yang mempunyai akar sosiologi, dan dikenali pada peringkat awal sebagai kecerdasan sosial. Budaya seseorang juga membentuk kualiti kepimpinan seseorang individu kerana pemimpin bekerja paling baik dalam konteks budayanya. Memandangkan fakta bahawa pelajar berbakat adalah aset kepada mana-mana negara dan mereka akan menjadi pemimpin masa depan negara, adalah penting untuk memahami aspek kecerdasan emosi dan kecekapan kepimpinan mereka. Kepimpinan dikaitkan dengan pelajar Pintar dan Berbakat kerana ianya dilihat sebagai satu kebolehan semulajadi yang terkandung dalam domain sosioafektif (Gagne 2004).

Kajian kepimpinan pelajar pintar dan berbakat telah mendapati pelajar yang mempunyai potensi kepimpinan umumnya mempunyai kecekapan mengendalikan kumpulan, meningkatkan semangat orang lain, kemahiran mencari jalan penyelesaian masalah secara kreatif, mempunyai kemahiran berkomunikasi, fleksibel dalam pemikiran dan tindakan, mudah memahami konsep-konsep yang kabur, tangkas menstruktur matlamat dan cekap memantau proses kerja kumpulan untuk mencapai matlamat (Bisland 2004). Hasil kajian tersebut menyamai dapatan kajian kepimpinan ke atas pelajar pintar dan berbakat oleh Rorlinda (2014) yang mendapati secara keseluruhan pelajar pintar dan berbakat mempunyai ciri kepimpinan yang tinggi. Pelajar pintar dan berbakat secara khususnya menunjukkan ciri kepimpinan yang tinggi dalam aspek kesepakatan, gaya kerja memimpin, kecekapan mempengaruhi, amalan nilai, hubungan kerja, pemikiran transformasi dan pemuafakatan. Sederhana tinggi dalam aspek penghargaan sendiri, efikasi kepimpinan, dan wawasan, dan terendah dalam ciri pemantauan sendiri. Ringkasnya, hampir kesemua ciri-ciri kepimpinan yang dihuraikan mempunyai kaitan dengan kecekapan EQ yang merupakan kompetensi teras dalam membina kecekapan kepimpinan.

Dapatan tersebut dapat dikaitkan dengan enam jenis gaya kepimpinan dengan kompetensi EQ secara tersirat; iaitu gaya kepimpinan mengarah/*commanding* (dorongan pencapaian, inisiatif, dan kawalan sendiri), berwawasan/*visionary* (keyakinan sendiri, empati, pemangkin perubahan), bersekutu/*affiative* (empati, membina hubungan, komunikasi), demokratik (kolaborasi, kerja berpasukan, pemimpin, komunikasi), *pacesetting* (kesungguhan, dorongan pencapaian, inisiatif), dan melatih/*coaching* (membina orang lain, empati, kesedaran sendiri). Menurut Goleman (2000), gaya kepimpinan berwawasan menghasilkan impak persekitaran yang sangat positif manakala gaya kepimpinan bersekutu dan demokratik menghasilkan impak persekitaran yang positif, gaya-gaya selainnya dikatakan meninggalkan impak negatif.

Duke (2011) seterusnya menyokong bahawa kepemimpinan perlu dikenalpasti, supaya ianya boleh ditingkatkan dan diperbaiki. Semuanya bertitik tolak daripada kesedaran terhadap potensi kepimpinan yang dimiliki, disusuli dengan peluang untuk membina kepimpinan menerusi pelbagai aktiviti, yang secara tidak langsung dapat membina kemahiran serta memacu kecekapan memimpin menerusi kemahiran-kemahiran pengurusan sendiri. Menurut Duke, usaha membina kepimpinan bukan terletak pada jawatan dan kedudukan sebagai ketua atau pemimpin. Sebaliknya proses pengalaman dengan melibatkan diri dalam merangka dan melaksana sesuatu perancangan merupakan kunci utama yang dapat mengembangkan potensi kepemimpinan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dalam pengumpulan data. Instrumen Ciri Kepimpinan yang digunakan untuk menghasilkan profil ciri kepimpinan. Selain itu, kajian ini mengenalpasti aspek kekuatan dan kekurangan pembolehubah yang dikaji serta melihat hubungan di antara ciri kepimpinan dan Pencapaian Akademik pelajar pintar dan berbakat.

PERSAMPELAN DAN PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data secara kuantitatif ini melibatkan sampel dari populasi pelajar pintar dan berbakat yang mengikuti Program Persediaan Pra Universiti; iaitu pelajar yang berada pada semester dua kohort 2022/2023. Sampel pelajar berusia di antara 17-19 tahun. Kumpulan pelajar ini mempunyai tahap

kecerdasan intelek (IQ) tinggi yang dikenalpasti menerusi skor Ujian IQ (Ujian UKM1 dan UKM2) dan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Kebangsaan sebelum mereka diterima masuk ke dalam program pendidikan ASASIPintar. Kumpulan pelajar ini telah menjalani kurikulum pendidikan ASASIPintar sekurang-kurangnya satu Semester. Pengumpulan data yang menggunakan kaedah tinjauan melibatkan kajian rentas. Kaedah tinjauan menurut Wiersma (2000), adalah salah satu kaedah terbaik untuk mengumpul maklumat secara langsung daripada responden yang ramai berkaitan dengan perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan, psikologi, fenomena atau berkenaan sesuatu program. Reka bentuk kaedah tinjauan dipilih kerana kajian ini lebih bersifat laporan sendiri (*self-report*) yang melibatkan ramai sampel dan menghendaki sampel menilai diri secara introspektif. Pemerolehan dapatan deskriptif kajian dapat menggambarkan ciri kepimpinan pelajar Pintar dan Berbakat.

Soal selidik diedarkan kepada pelajar pintar dan berbakat di Pusat PERMATAPintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjalani Program ASASIPintar. Seramai 164 daripada 204 orang pelajar dipilih secara rawak mudah untuk memberi respon kepada soal selidik kajian. Dari jumlah tersebut, 91 (55.5%) merupakan pelajar perempuan dan 73 (44.5%) pelajar lelaki. Dari aspek aliran pembelajaran, 150 (91.5%) terdiri daripada pelajar aliran sains tulen dan 14 (8.5%) pelajar aliran sains sosial. Seterusnya, bagi komponen pencapaian akademik (CGPA) pula, 99 (60.4%) dalam kategori sangat tinggi; CGPA >3.67, 28 (17.1%) kategori sederhana tinggi; CGPA 3.33-3.66, 19 (11.6%) kategori sederhana; CGPA 3.00-3.31, 06 (3.7%) kategori rendah; CGPA 2.67-2.99, 04 (2.4) kategori sangat rendah; CGPA 2.33-2.66, dan 01 (6%) dalam kategori kritikal; CGPA 2.00-2.32.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini dibina berdasarkan Model Proses Kepimpinan dalam Leadership Process Self Assessment (Locke, Kirkpatrick, Wheeler, Schneider, Niles, Golstein, Welsh, & Chan 1991). Instrumen ini mengandungi tiga belas (13) konstruk dengan lima item setiap konstruk yang menjadikan jumlah item sebanyak tujuh puluh dua (72) item. Konstruk yang menggambarkan ciri kepimpinan mencakupi efikasi kepimpinan, hubungan kerja, motivasi pemimpin, kecekapan mempengaruhi, tingkah laku memimpin, kebolehppercayaan, kolegialiti, kesepaduan, penghargaan sendiri, etika nilai, kesedaran emosi,

pemantauan sendiri dan pemikiran transformasional. Nilai pekali korelasi kebolehppercayaan instrumen dalam kajian rintis ($n=50$) adalah tinggi (α 0.954). Berdasarkan nilai kebolehppercayaan yang tinggi, instrumen ini sesuai digunakan untuk memperoleh skor yang stabil daripada sampel kajian.

PENGANALISISAN DATA KAJIAN

Data kuantitatif kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif (peratus dan min) bagi membina profil ciri kepimpinan, serta menggunakan interpretasi nilai indeks untuk menginterpretasikan skor yang bakal diperolehi oleh keseluruhan sampel bagi menentukan komponen teras (kekuatan) dan kritikal (kekurangan) bagi domain-domain dalam pembolehubah. Statistik inferensi melibatkan korelasi *Pearson r* pula digunakan untuk melihat hubungan di antara ciri kepimpinan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Hasil dapatan kajian memberi gambaran yang menyeluruh berkaitan kepribadian

pelajar pintar dan berbakat dalam aspek ciri kepimpinan, serta menunjukkan kepentingan pembolehubah ini dalam membina kecekapan kepimpinan pelajar pintar dan berbakat. Hasil kajian ini dapat menyediakan dapatan autentik tentang kekuatan dan kekurangan pelajar pintar dan berbakat dalam membina kualiti kepemimpinan dalam diri masing-masing. Juga dapat membantu dalam perancangan program atau aktiviti pembangunan karakter Pemimpin dalam program pendidikan pelajar pintar dan berbakat.

DAPATAN HASIL KAJIAN

Hasil analisis telah dipeolehi bagi menentukan profil kepimpinan pelajar pintar dan berbakat berdasarkan jantina, dan pencapaian akademik (CGPA) di Pusat PERMATA@pintar Negara. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual berikut.

Apakah profil kepimpinan pelajar pintar di program ASASIpintar UKM?

JADUAL 1: Skor keseluruhan Ciri Kepimpinan Pelajar Pintar dan berbakat

	Skor	Minim	Maxim	Min	Peratus (%)
Jumlah	292.5793	156.00	355.00	4.0636	81.07

Jadual 1 menunjukkan Skor keseluruhan ciri kepimpinan pelajar pintar dan berbakat adalah sederhana 81.07% dengan min 4.06636.

JADUAL 2: Tahap peratusan Ciri Kepimpinan pelajar Pintar dan Berbakat

Kategori peratus	Kekerapan pelajar	Peratus (%)
Tinggi /High (> 85%)	53	32.3
Sederhana/Average (50-84%)	110	67.1
Rendah /Low (< 49%)	1	0.6
Jumlah	164	100.0

Jadual 2 menunjukkan tahap peratusan skor yang diperolehi oleh 164 orang pelajar. Majoriti pelajar berada pada kategori kepimpinan yang sederhana (67.1%), diikuti kategori kepimpinan tinggi (32.3%), dan kategori kepimpinan rendah (0.6%).

Jadual 3 menunjukkan bagi jantina lelaki, terdapat 5 domain yang mencatatkan tahap tinggi iaitu hubungan kerja, mempengaruhi, tingkah laku, kolegialiti dan etika manakala selebihnya di tahap sederhana. Bagi jantina perempuan, domain dengan

tahap tinggi adalah 4, terdiri daripada mempengaruhi, tingkah laku, kolegialiti dan etika.

